

<p>HELAIAN KETERANGAN PRODUK</p> <p>(Sila baca Helaiian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai “<i>IKHLAS</i> Wanita Elegance Takaful”. Sila pastikan juga anda membaca terma dan syarat am.)</p>	<p>TAKAFUL IKHLAS FAMILY BERHAD (Dahulu dikenali sebagai Takaful Ikhlas Berhad)</p> <p>(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)</p> <p>IKHLAS WANITA ELEGANCE TAKAFUL</p> <p>Tarikh: 01/12/2018</p>																																																								
<p>1) Produk apakah ini?</p> <p>Pelan ini direka khas untuk memberi perlindungan ke atas Orang Yang Dilindungi terhadap kematian, keilatan kekal dan menyeluruh, kanser khusus bagi wanita, dan pelbagai penyakit berkaitan wanita sehingga Sijil Takaful matang.</p> <p>Terdapat 2 jenis pelan di bawah IKHLAS Wanita Elegance Takaful, iaitu:</p> <p>a) <i>IKHLAS</i> Wanita Elegance Takaful dengan Manfaat Kehamilan b) <i>IKHLAS</i> Wanita Elegance Takaful tanpa Manfaat Kehamilan</p>																																																									
<p>2) Apakah konsep-konsep Syariah yang diguna pakai?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tabarru’ – bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan Peserta-peserta Takaful dan akan digunakan untuk membantu Peserta-peserta Takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks pihak Syarikat, Tabarru’ akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko. • Wakalah – merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (<i>muwakkil</i>) membenarkan pihak lain sebagai ejennya (<i>wakil</i>) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, kami dilantik sebagai ejen (<i>wakil</i>) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful dan yuran Wakalah (<i>Ujrah</i>) akan dibayar kepada pihak Syarikat. 																																																									
<p>3) Apakah perlindungan-perindungan/manfaat-manfaat yang ditawarkan?</p> <p>Pelan ini dengan Had Seumur Hidup permulaan sebanyak RM200,000 memberikan perlindungan terhadap:</p> <table border="0"> <tr> <td>a) Kematian atau Keilatan Kekal dan Menyeluruh (TPD)¹ Semulajadi</td> <td>:</td> <td>RM200,000.00</td> <td>²</td> </tr> <tr> <td>b) Manfaat-manfaat Spesifik Kanser Wanita ³</td> <td>:</td> <td>Sehingga RM200,000</td> <td>²</td> </tr> <tr> <td>c) Lain-lain Manfaat Penyakit-penyakit Wanita</td> <td>:</td> <td>200,000.00</td> <td>²</td> </tr> <tr> <td> • Eritematosus Lupus Sistemik (SLE) bersama Lupus Nefritis ⁴</td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td> • Artritis Reumatoid dengan Komplikasi ⁴</td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>d) Lain-lain Manfaat Penyakit-penyakit Wanita</td> <td>:</td> <td>Pembayaran balik sehingga RM200,000 daripada baki Had Seumur Hidup</td> <td></td> </tr> <tr> <td> • Pembedahan Rekonstruktif Muka akibat Kemalangan</td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td> • Pemindahan Kulit akibat Luka Terbakar</td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td> • Pemindahan Kulit akibat Kanser Kulit ⁴</td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td> • Pembedahan Rekonstruktif Payu Dara akibat Kemalangan</td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>e) Lain-lain Manfaat Penyakit-penyakit Wanita</td> <td>:</td> <td>Pembayaran balik sehingga RM60,000 daripada Had Seumur Hidup permulaan atau baki Had Seumur Hidup, yang mana lebih rendah</td> <td></td> </tr> <tr> <td> • Karsinoma-In-Situ (Payu Dara atau Serviks Uteri) ⁴</td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td> • Kehilangan Organ Reproduksi akibat kemalangan</td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td> • Fraktur Osteoporotik – Pinggul atau Vertebra ⁴</td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> </table>		a) Kematian atau Keilatan Kekal dan Menyeluruh (TPD) ¹ Semulajadi	:	RM200,000.00	²	b) Manfaat-manfaat Spesifik Kanser Wanita ³	:	Sehingga RM200,000	²	c) Lain-lain Manfaat Penyakit-penyakit Wanita	:	200,000.00	²	• Eritematosus Lupus Sistemik (SLE) bersama Lupus Nefritis ⁴				• Artritis Reumatoid dengan Komplikasi ⁴				d) Lain-lain Manfaat Penyakit-penyakit Wanita	:	Pembayaran balik sehingga RM200,000 daripada baki Had Seumur Hidup		• Pembedahan Rekonstruktif Muka akibat Kemalangan				• Pemindahan Kulit akibat Luka Terbakar				• Pemindahan Kulit akibat Kanser Kulit ⁴				• Pembedahan Rekonstruktif Payu Dara akibat Kemalangan				e) Lain-lain Manfaat Penyakit-penyakit Wanita	:	Pembayaran balik sehingga RM60,000 daripada Had Seumur Hidup permulaan atau baki Had Seumur Hidup, yang mana lebih rendah		• Karsinoma-In-Situ (Payu Dara atau Serviks Uteri) ⁴				• Kehilangan Organ Reproduksi akibat kemalangan				• Fraktur Osteoporotik – Pinggul atau Vertebra ⁴			
a) Kematian atau Keilatan Kekal dan Menyeluruh (TPD) ¹ Semulajadi	:	RM200,000.00	²																																																						
b) Manfaat-manfaat Spesifik Kanser Wanita ³	:	Sehingga RM200,000	²																																																						
c) Lain-lain Manfaat Penyakit-penyakit Wanita	:	200,000.00	²																																																						
• Eritematosus Lupus Sistemik (SLE) bersama Lupus Nefritis ⁴																																																									
• Artritis Reumatoid dengan Komplikasi ⁴																																																									
d) Lain-lain Manfaat Penyakit-penyakit Wanita	:	Pembayaran balik sehingga RM200,000 daripada baki Had Seumur Hidup																																																							
• Pembedahan Rekonstruktif Muka akibat Kemalangan																																																									
• Pemindahan Kulit akibat Luka Terbakar																																																									
• Pemindahan Kulit akibat Kanser Kulit ⁴																																																									
• Pembedahan Rekonstruktif Payu Dara akibat Kemalangan																																																									
e) Lain-lain Manfaat Penyakit-penyakit Wanita	:	Pembayaran balik sehingga RM60,000 daripada Had Seumur Hidup permulaan atau baki Had Seumur Hidup, yang mana lebih rendah																																																							
• Karsinoma-In-Situ (Payu Dara atau Serviks Uteri) ⁴																																																									
• Kehilangan Organ Reproduksi akibat kemalangan																																																									
• Fraktur Osteoporotik – Pinggul atau Vertebra ⁴																																																									

- f) Manfaat Kehamilan : RM60,000 daripada had Seumur Hidup permulaan atau baki Had Seumur Hidup, yang mana lebih rendah
- g) Manfaat Cara Hidup : Maksimum RM20,000 daripada Had Seumur Hidup permulaan atau baki Had Seumur Hidup, yang mana lebih rendah. Sebanyak 1 kejadian dalam setahun, sehingga 5 kejadian semasa tempoh Sijil Takaful
- h) Kematian atau TPD Akibat Kemalangan : RM200,000.00 ²
- i) Kematian atau TPD akibat kemalangan ketika menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam atau menjadi mangsa salah laku jenayah. : RM200,000.00 [tambahan kepada item(a) dan (h)] ²
- j) Manfaat Matang Sijil Takaful
Jumlah terkumpul di dalam PIA / PRIA, termasuk pendapatan pelaburan dari PIA / PRIA dan lebihan boleh-agih bersih daripada Dana Risiko jika ada, akan dibayar apabila Sijil Takaful matang.
- k) Manfaat Serahan Sijil Takaful
Jumlah terkumpul di dalam PIA / PRIA, termasuk pendapatan pelaburan dari PIA / PRIA dan lebihan boleh-agih bersih daripada Dana Risiko jika ada, setelah ditolak Yuran Pengurusan sehingga RM50, akan dibayar apabila berlakunya penyerahan Sijil Takaful.
- l) Pilihan Tambah Nilai
Penambahan Sumbangan Takaful adalah dibenarkan daripada Sijil Takaful bermula. Jumlah penambahan adalah tertakluk kepada minimum RM50 setiap penambahan. Kesemua jumlah penambahan akan diperuntukkan ke dalam PIA.
- m) Pengeluaran Tunai
Pengeluaran sebahagian tunai daripada PIA, tertakluk kepada maksimum 30% daripada PIA adalah dibenarkan selepas Sijil Takaful berkuat kuasa selama minimum lima (5) tahun. Pengeluaran sebahagian seterusnya boleh dibuat dua (2) tahun selepas pengeluaran sebahagian sebelumnya. Hanya tiga (3) pengeluaran sebahagian dibenarkan sepanjang tempoh Sijil Takaful. Yuran transaksi sebanyak maksimum RM50 akan dikenakan daripada PIA untuk setiap pengeluaran sebahagian.

Nota:

¹ Definisi TPD untuk *IKHLAS* Wanita Elegance Takaful dan lain-lain pelan adalah berdasarkan "Pekerjaan Sendiri atau Pekerjaan yang Sesuai " dan manfaat yang dibayar adalah tertakluk kepada:

- Tuntutan TPD disahkan.
- Sumbangan Takaful tidak tertunggak.

² Jumlah tuntutan adalah berdasarkan baki Had Seumur Hidup. Sebarang tuntutan yang dibuat di bawah *IKHLAS* Wanita Elegance Takaful akan mengurangkan Had Seumur Hidup.

³ Tertakluk kepada tempoh menunggu selama tiga puluh (30) hari dari tarikh permulaan Sijil Takaful dan tempoh laku Sijil Takaful selama 30 hari.

⁴ Tertakluk kepada tempoh menunggu selama tiga puluh (30) hari dari tarikh permulaan Sijil Takaful.

Sila baca Sijil Takaful untuk maklumat lebih lanjut mengenai manfaat produk.

4) Berapakah jumlah Sumbangan Takaful yang perlu dibayar?

Jumlah Sumbangan Takaful yang perlu dibayar berbeza bergantung kepada keperluan pengunderaitan, umur, tempoh, rider yang disertai, kelas pekerjaan dan Amaun Perlindungan yang dipohon. Sumbangan Takaful anda adalah seperti berikut:

Umur Orang Yang Dilindungi	:	31 Tahun
Umur Peserta Takaful	:	-tiada- Tahun
Kelas Pekerjaan	:	1
Tempoh	:	34 Tahun
Amaun Perlindungan	:	RM200,000.00
Sumbangan Takaful Tahunan	:	<u>RM7,976.00</u>

Sumbangan Takaful pembaharuan adalah TIDAK DIJAMIN dan pihak Syarikat berhak untuk menyemak kadar Sumbangan setiap Orang Yang Dilindungi pada ulang tahun Sijil Takaful berikutnya berdasarkan pengalaman tuntutan untuk keseluruhan produk. Pihak Syarikat akan memberi tiga (3) bulan notis bertulis kepada Peserta Takaful sekiranya berlaku penyemakan semula Sumbangan Takaful atau penarikan-balik portfolio. Sumbangan Takaful boleh diubah sekiranya pengalaman tuntutan semakin meningkat, terdapat perubahan terhadap sebarang manfaat produk dan/ atau profil risiko Orang Yang Dilindungi dan/atau Peserta Takaful. Sebab-sebab untuk perubahan ini adalah tidak terhad dan Sumbangan Takaful juga boleh disemak-semula di atas alasan-alasan lain yang munasabah.

5) Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu dibayar?

a) Yuran Wakalah*

Tahun	1	2	3	4	5	6	7 dan ke atas
Amaun	6,702.08	5,376.04	3,601.38	3,481.74	2,245.46	2,245.46	1,388.04
% daripada Jumlah Sumbangan Takaful Kasar Tahunan	84.03%	67.40%	45.15%	43.65%	28.15%	28.15%	17.40%

* Komisyen adalah sebahagian daripada yuran Wakalah.

Satu yuran pengurusan sebanyak RM72 akan dikenakan setiap tahun terhadap setiap Peserta Takaful di bawah Sijil Takaful ini. Setiap transaksi penambahan ke atas Sumbangan Takaful akan dikenakan yuran sebanyak 5.25% ke atas jumlah kasar penambahan Sumbangan Takaful.

b) Komisyen.

Tahun	1	2	3	4	5	6	7 dan ke atas
Amaun	4,386.80	3,589.20	2,073.76	1,994.00	797.60	797.60	0.00
% daripada Jumlah Sumbangan Takaful Kasar Tahunan	55.00%	45.00%	26.00%	25.00%	10.00%	10.00%	0.00%

c) Caj Tabarru' akan ditolak daripada PIA/ PRIA. Tabarru' akan meningkat seiring dengan peningkatan usia Orang Yang Dilindungi dan/ atau Peserta Takaful. Butiran amaun tabarru' dan lain-lain caj untuk pelan ini adalah seperti yang dinyatakan di dalam ilustrasi manfaat.

d) Yuran Serahan sehingga RM50.00.

e) Duti Setem sebanyak RM10.00 akan dikenakan ke atas setiap Sijil Takaful.

6) Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu diketahui?

- a) Kepentingan pendedahan maklumat – anda dikehendaki mendedahkan semua maklumat dan fakta seperti umur, pekerjaan dan keadaan kesihatan dengan betul. Pihak Syarikat mempunyai hak untuk menolak pembayaran tuntutan jika anda didapati gagal untuk mendedahkan maklumat yang relevan yang akan mempengaruhi keputusan untuk menerima atau menolak risiko, dan tentang peruntukan-peruntukan yang akan ditetapkan pada anda.
- b) Tempoh Bertenang – Anda boleh membatalkan Sijil Takaful dengan mengembalikan Sijil Takaful tersebut kepada pihak syarikat dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh Sijil Takaful diterima. Sumbangan Takaful yang telah dibayar (selepas ditolak dengan jumlah perbelanjaan perubatan –sekiranya ada) akan dikembalikan. Syarikat akan membatalkan Sijil Takaful dengan serta-merta setelah penerimaannya dan ianya akan dianggap tidak berkuatkuasa semenjak dari tarikh dikeluarkan.
- c) Tempoh menunggu untuk pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan atau yang berkaitan adalah tiga puluh (30) hari dari tarikh berkuatkuasa.
- d) Pendapatan pelaburan sebenar boleh berubah-ubah mengikut keadaan pasaran. Oleh itu, jumlah terkumpul di dalam PIA/ PRIA boleh meningkat naik atau menjadi kurang daripada jumlah Sumbangan Takaful yang telah dibuat ke dalam PIA/ PRIA (berkemungkinan menyebabkan peluputan Sijil Takaful sebelum tempohnya).
- e) Keuntungan pelaburan daripada PIA/ PRIA, jika ada, akan dipulangkan kepada Peserta Takaful (melalui PIA/ PRIA) setelah ditolak Yuran Prestasi Pelaburan sebanyak 30% daripada keuntungan pelaburan tersebut. Walau bagaimanapun pihak Syarikat boleh, mengikut budi bicara mengenakan caj kurang daripada 30% daripada keuntungan pelaburan sebagai Yuran Prestasi Pelaburan.
- f) Syarikat akan mengenakan Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sebanyak 50% daripada sebarang lebihan boleh-agih kasar semasa berakhirnya Tahun Kewangan Syarikat. Lebihan boleh-agih bersih (selepas ditolak SAC) daripada Dana Risiko akan diperuntukkan sepenuhnya (100%) kepada Peserta Takaful.
- g) Ia mungkin tidak menguntungkan untuk beralih dari satu pelan Takaful ke pelan Takaful yang lain kerana anda mungkin akan tertakluk kepada keperluan pengunderaitan yang baru, tempoh menunggu sepenuhnya dan sebarang tempoh terpakai bagi pengecualian pada syarat-syarat penyakit tertentu atau pra-wujud Sijil Takaful yang baru.
- h) Adalah penting bagi anda untuk menerima dan menyimpan resit-resit sebagai bukti pembayaran Sumbangan-sumbangan Takaful.
- i) Sekiranya anda tidak menerima Sijil Takaful selepas empat belas (14) hari dari tarikh penyertaan, sila hubungi kami.
- j) Notis terhadap tuntutan haruslah dibuat secara bertulis kepada Syarikat dalam masa tiga puluh (30) hari selepas berlakunya kejadian yang mengakibatkan tuntutan. Setelah notis tuntutan dikemukakan, pihak Syarikat akan memberikan borang-borang berkaitan kepada pihak yang melakukan tuntutan bagi menfailkan bukti tuntutan serta memaklumkan pihak yang menuntut akan keperluan-keperluan lain yang mungkin diperlukan. Walaubagaimanapun, ini tidak akan menghalang pihak Syarikat dari meminta dokumen yang selanjutnya mengenai tuntutan tersebut sekiranya didapati perlu. Kesemua maklumat dan bahan bukti ini hendaklah di kemukakan kepada Syarikat dalam tempoh sembilan puluh (90) hari daripada tarikh berlakunya peristiwa-peristiwa yang dilindungi.
- k) Anda boleh merujuk kepada laman web rasmi Syarikat di www.takaful-ikhlas.com.my untuk senarai hospital-hospital atau klinik-klinik panel kami.

Nota: Senarai ini tidak muktamad. Sila rujuk kepada Sijil Takaful bagi mendapatkan senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat yang terdapat di bawah Sijil Takaful.

7) Apakah pengecualian-pengecualian utama yang terdapat di dalam Sijil Takaful ini?

a. Pengecualian ke atas Manfaat Kematian

Jika Orang Yang Dilindungi, sama ada waras atau tidak, cuba untuk membunuh diri di dalam tempoh satu (1) tahun bermula pada tarikh Sijil Takaful berkuatkuasa, meninggal dunia disebabkan virus Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau penyakit yang disebarkan secara seksual, tiada manfaat akan dibayar.

Syarikat akan memulangkan jumlah terkumpul di dalam PIA/ PRIA, termasuk pendapatan pelaburan dari PIA/ PRIA dan lebih boleh-agih bersih daripada Dana Risiko, jika ada.

b. Pengecualian Utama (Selain Kematian)

- i. Mana-mana pembedahan pilihan, kosmetik atau pembedahan plastik (kecuali diperlukan disebabkan kecederaan dan penyakit).
- ii. Mana-mana kehamilan yang disebabkan oleh rawatan kesuburan, termasuk persenyawaan tabung uji.
- iii. Pemberhentian pilihan kehamilan selain dari sebab-sebab perubatan.
- iv. Kehamilan sebelum permulaan Sijil Takaful dan kehamilan dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh permulaan / pembaharuan Sijil Takaful.
- v. Peperangan, penaklukan, ancaman musuh luar, permusuhan atau operasi-operasi berbentuk peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan ataupun tidak) atau perang saudara;
- vi. Pemberontakan, rusuhan awam, pemberontakan tentera atau orang awam, insureksi, penentangan, revolusi, perintah berkurung atau darurat atau apa-apa jua peristiwa ataupun penyebab yang boleh menentukan pengisytiharan ataupun penyelenggaraan perintah berkurung ataupun darurat;
- vii. Sebarang kegiatan pengganas. Untuk tujuan ini kegiatan keganasan bermaksud perlakuan atau perbuatan, termasuklah tetapi tidak terhad kepada penggunaan sebarang kuasa atau kekerasan atau kekejaman dan/atau ancaman dari situ, oleh mana-mana orang perseorangan atau berkumpulan, sama ada bertindak secara persendirian atau bersandarkan perhubungan dengan mana-mana organisasi atau organisasi-organisasi atau kerajaan atau kerajaan-kerajaan, dilakukan atas sebab-sebab politik, keagamaan, ideologi atau sebarang niat mempengaruhi sebarang kerajaan atau organisasi dan / atau menyebabkan pihak awam, atau sebahagian darinya berada di dalam ketakutan;
- viii. Disebabkan oleh atau lanjutan daripada bunuh diri atau cubaan membunuh diri atau mencederakan diri sendiri dengan sengaja atau di bawah pengaruh alkohol atau narkotik atau dadah atau ketidaksiuman atau disebabkan oleh penyakit kelamin;
- ix. Ketidakupayaan yang ditanggung oleh Orang Yang Dilindungi apabila melibatkan diri, mengendalikan atau melakukan servis, menaiki atau menuruni daripada atau dengan sebarang alat penerbangan atau kenderaan termasuk terjunan udara, payung terjun, lompatan bungee, peluncuran gantung atau belon udara kecuali apabila Orang Yang Dilindungi berada di dalam kapal terbang yang dikendalikan oleh penerbangan komersial dengan jadual penerbangan yang teratur mengikut destinasi yang telah ditetapkan;
- x. Keilatan bermula sebelum penerimaan perlindungan;

- xi. Sebarang ketidakpatuhan undang-undang oleh Orang Yang Dilindungi atau kesalahan yang dicituskan olehnya;
- xii. Terlibat dalam sebarang aktiviti dalam air yang menggunakan alat pernafasan tiruan;
- xiii. Kecederaan yang disebabkan oleh pembelahan nuklear, percantuman nuklear, alat senjata nuklear atau pencemaran radioaktif.
- xiv. Sindrom Kekurangan Daya Ketahanan Melawan Penyakit (AIDS) dan sebarang keadaan yang berkaitan dengan AIDS.

Nota: Senarai ini tidak muktamad. Sila rujuk kepada Sijil Takaful bagi mendapatkan senarai penuh pengecualian-pengecualian yang terdapat di bawah Sijil Takaful.

8) Bolehkah Sijil Takaful ini dibatalkan?

Menyertai pelan Takaful keluarga adalah komitmen kewangan jangka panjang. Jika anda tidak membayar Sumbangan Takaful dalam tempoh ehsan, Sijil Takaful anda akan luput. Jumlah tunai yang akan dibayar oleh pengendali Takaful apabila anda membatalkan Sijil Takaful sebelum tempoh matang akan lebih rendah daripada jumlah Sumbangan Takaful yang anda telah bayar.

9) Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?

Adalah penting anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan pada maklumat/alamat untuk memastikan semua komunikasi perhubungan sampai kepada anda dalam jangka masa ditetapkan.

10) Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Takaful Keluarga dan/atau Takaful Perubatan dan Kesihatan, sila rujuk kepada buku panduan *info insurers* mengenai 'Takaful Keluarga', dan/atau 'Takaful Perubatan dan Kesihatan'. Anda boleh memperolehnya daripada ejen Takaful kami atau lawati www.insuranceinfo.com.my

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Takaful Ikhlas Family Berhad

(Dahulu dikenali sebagai Takaful Ikhlas Berhad)

Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan,
IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South,
No. 8 Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.

Tel: +603-2723 9696

Faks: +603-2723 9998

Laman sesawang : www.takaful-ikhlas.com.my

Emel: ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my

11) Produk seumpama yang boleh didapati.

- TIADA -

NOTA PENTING:

PENYERTAAN DI DALAM PELAN TAKAFUL KELUARGA ADALAH MERUPAKAN KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS SIJIL TAKAFUL YANG BENAR-BENAR BERSESUAIAN DENGAN KEHENDAK ANDA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT SELANJUTNYA.

MENURUT PERENGGAN 5 DARIPADA JADUAL 9 AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013, JIKA ANDA MEMOHON TAKAFUL INI SEPENUHNYA UNTUK TUJUAN YANG TIDAK BERKAITAN PERDAGANGAN, PERNIAGAAN ATAU PROFESION ANDA, ANDA MEMPUNYAI KEWAJIPAN UNTUK MENGAMBIL LANGKAH PENJAGAAN MUNASABAH UNTUK TIDAK MEMBUAT SALAH NYATAAN SEMASA MENJAWAB SOALAN-SOALAN DALAM BORANG CADANGAN (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK TAKAFUL INI). ANDA DIKEHENDAKI MENJAWAB SOALAN-SOALAN DENGAN LENGKAP DAN TEPAT.

KEGAGALAN UNTUK MENGAMBIL PENJAGAAN MUNASABAH DALAM MENJAWAB SOALAN-SOALAN MUNGKIN MENGAKIBATKAN PEMBATALAN KONTRAK TAKAFUL ANDA, PENOLAKAN ATAU PENGURANGAN TUNTUTAN, PERUBAHAN TERMA ATAU PENAMATAN KONTRAK TAKAFUL ANDA.

KEWAJIPAN PENDEDAHAN DI ATAS ADALAH BERTERUSAN SEHINGGA KONTRAK TAKAFUL ANDA DIBUAT, DIUBAH ATAU DIPERBAHARUI DENGAN KAMI.

SEBAGAI TAMBAHAN KEPADA SOALAN-SOALAN DI DALAM BORANG CADANGAN (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK TAKAFUL INI), ANDA DIKEHENDAKI UNTUK MENDEDAHKAN APA-APA PERKARA LAIN YANG ANDA TAHU SEBAGAI BERKAITAN KEPADA KEPUTUSAN KAMI UNTUK MENERIMA ATAU TIDAK RISIKO INI DAN MENENTUKAN KADAR DAN TERMA YANG HENDAK DIPAKAI.

ANDA JUGA MEMPUNYAI KEWAJIPAN UNTUK SEGERA MEMBERITAHU KAMI SEKIRANYA SETELAH KONTRAK TAKAFUL ANDA DIBUAT, DIUBAH, ATAU DIPERBAHARUI DENGAN KAMI, APA-APA MAKLUMAT YANG DINYATAKAN DI DALAM BORANG CADANGAN INI (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK TAKAFUL INI) TIDAK TEPAT ATAU TELAH BERUBAH.

Maklumat yang disediakan dalam Helaian Keterangan Produk ini adalah sah pada: 01/12/2018